

# **SISTEM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA: ANTARA TUNTUTAN ISLAM DAN REALITI SEMASA<sup>1</sup>**

oleh: Amin al-Jarumi<sup>2</sup>& Nadia Murshida Abd Azzis<sup>3</sup>

## ***Abstrak***

Kertas ini membicarakan secara khusus satu cabang syariat iaitu Undang-undang Jenayah Islam yang mengandungi konsep dan prinsip-prinsip yang menjamin tertegaknya kehidupan masyarakat yang aman damai, tidak kira bila masa dan di mana sahaja ianya dilaksanakan. Juga akan dibincangkan tentang hukuman-hukuman dan matlamat serta hikmah yang hendak dicapai sebagai suatu tindakan pengislahan yang dapat mengekalkan keadilan dan persamaan ke atas seluruh bidang kehidupan manusia ekonomi, sosial dan politik. Kertas ini juga akan melihat sejauhmana pelaksanaannya di Malaysia dengan dibuat perbandingan antara tuntutan ilahi dan realiti semasa yang ada.

*Kata Kunci: Undang-undang Jenayah Islam, Pelaksanaannya Di Malaysia, Perbandingan.*

---

<sup>1</sup>Kertas kerja yang dibentangkan dalam Simposium Pemerkasaan Mahkamah Syariah (SEMASA 2017) pada Khamis 6 Julai 2017 di Dewan Eksperimental, Kolej Universiti Insaniah, Kuala Ketil, Baling, Kedah Darul Aman.

<sup>2</sup>Prof. Dr. Md Amin Abdul Rahman al-Jarumi adalah Mantan Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Insaniah, Kula Ketil, Baling, Kedah Darul Aman.

<sup>3</sup>Puan Nadia Murshida Abd Azzis adalah Pensyarah Undang-undang, Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Insaniah, Kula Ketil, Baling, Kedah Darul Aman.

## **Pendahuluan**

Tidak syak lagi bahawa undang-undang ciptaan (*man made law*) tidak berupaya untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan kehidupan manusia. Hingga kini jenayah-jenayah berat seperti membunuh, merogol, merompak dan rasuah masih berterusan berlaku pada setiap masa. Justeru, sudah sampai masanya untuk dilihat semula kepada undang-undang yang dilaksanakan masakini untuk dibataskan segala 'kesakitan' dan 'kejelikan' dengan menjadikan syariat Islam sebagai alternatif dan sumber asasi dalam menamatkan segala kekalutan dan kegawatan yang berlaku.

## **Pengenalan Undang-Undang Jenayah Islam**

### **Definisi Jenayah: Umum dan Khusus**

Terdapat dua istilah yang digunapakai oleh *fuqaha'* apabila membicarakan tentang Jenayah. Pertama: Istilah *al-Jarimah* dan Kedua: Istilah *al-Jinayah*. Istilah *al-Jarimah* diguna pakai oleh sebahagian *fuqaha'*. Ia adalah kesalahan-kesalahan secara umum sama ada melibatkan soal moral atau fizikal, melibatkan tubuh badan, harta benda atau kepentingan-kepentingan yang lain.

Sebahagian *fuqaha'* pula menggunakan kedua-dua istilah *al-jarimah* dan *al-jinayah* sebagai istilah-istilah yang sinonim iaitu semua perbuatan salah yang diharamkan oleh syara' dan diperuntukkan hukuman ke atas pelakunya.

Terdapat *fuqaha'* yang mengkhususkan penggunaanpakai istilah *al-jinayah* hanya untuk kesalahan *hudud* dan *qisas*, tidak termasuk kesalahan-kesalahan *ta'zir* kerana ia termasuk dalam *al-jarimah* yang konsepnya lebih umum meliputi semua kesalahan.

*Jumhur fuqaha'* mengguna pakai istilah *al-jinayah* kepada kesalahan-kesalahan yang lebih khusus, iaitu kesalahan-kesalahan yang berkenaan dengan jiwa dan tubuh badan sahaja iaitu kesalahan-kesalahan *qisas* dan *diyyat*.

Perbezaan yang timbul ini tidak menyentuh konsep perbuatan salah itu sendiri, sebaliknya sekadar penyesuaian dalam penggunaan istilah semata-mata. Justeru, istilah *al-jinayah* adalah sinonim dengan istilah *al-jarimah*.

### **Kepentingan-kepentingan (*Masalih*) Yang Dijaga dan Dikawal Oleh Perundangan Jenayah (*al-Shari'ah al-Jina'iyah*)**

Dalam undang-undang Jenayah Islam, terdapat beberapa kepentingan (*Masalih*) yang dijaga dan dikawal:

1. Menjaga Agama – diharamkan murtad.
2. Menjaga Nyawa – diharamkan membunuh dan mencederakan.
3. Menjaga Keturunan (Nama Baik) – diharamkan berzina dan menuduh berzina (*al-qazaf*).
4. Menjaga Akal – diharamkan meminum arak dan mengambil sesuatu yang memabuk-kan.

5. Menjaga Harta – diharamkan mencuri dan merompak.
6. Menjaga Akhlak dan Fadhilat – digalakkan menghiasi diri dengan nilai-nilai baik dan menjauhkannya dari nilai-nilai buruk.
7. Menjaga Keamanan dan Ketenteraman Dalam Negara – diharamkan memberontak terhadap pemerintah Islam.

### **Pembahagian Hak-hak Dalam Syariat Islam**

Syariat Islam tidak mengkategorikan kesalahan-kesalahan kepada kesalahan jenayah dan sivil sepertimana dalam undang-undang konvensional, namun sebaliknya dilihat kepada sama ada ianya pelanggaran ke atas Hak-hak Allah SWT atau Hak Manusia:

1. Hak-hak Allah SWT iaitu hak-hk yang ada kepentingan awam yang boleh mendapatkan manfa'at dan menolak kemudaratannya.
2. Hak-hak Manusia yang berkaitan dengan kepentingan peribadi yang khusus. Mungkin ianya bagi manusia semata-mata seperti hak nafkah dan jaminan bagi kontrak. Atau hak di mana kepentingan manusia ditarjihkan dari kepentingan Allah SWT seperti hak dalam *qisas* atau *ta'zir*.

### **Sistem Kesalahan (*al-Jarimah*) Dan Hukuman (*al-'Uqubah*) Dalam Syariat Islam**

Sistem kesalahan (*al-jarimah*) dan hukuman (*al-'uqubah*) dalam Islam digabungkan dalam istilah Undang-undang Jenayah Islam. Ia merupakan Undang-undang yang bersifat global. Tidak bersifat regional atau territorial sepertimana undang-undang konvensional kerana ia adalah sebahagian dari syariat Allah SWT. Penggubalnya iaitu Allah SWT ingin melaksanakannya ke atas semua manusia. Mereka dihadapkan dengan hukum-hukumnya dan dipinta melaksanakannya. Namun, disebabkan oleh kekuasaan negara Islam hanya ke atas wilayahnya sahaja, maka ia tidak berupaya dilaksanakannya di luar wilayahnya itu. Sementara dalam wilayah Islam, wajib ia dilaksanakan kerana orang-orang Islam menguasainya. Di atas dasar inilah maka hukum-hukum Undang-undang Jenayah Islam dilaksanakan ke atas semua kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam Negara Islam, tanpa melihat kepada kewarganegaraan pelakunya atau agamanya. Ini adalah kaedah umumnya, melainkan dalam beberapa bahagiannya terdapat sedikit perbezaan di antara *fuqaha'* mengenai golongan *dhimmiyyin* dan *musta'manin*, kerana *jumhur fuqaha'* mengecualikan golongan *dhimmiyyin* dan *musta'manin* dari hukuman minum arak kerana bagi mereka ianya dihalalkan.

### **Pendirian Syariat Islam Dalam Memperakui Wujudnya Kesalahan-kesalahan dan Hukuman-hukuman:**

Syariat Islam mengambil dua pendekatan dalam hal ini:

1. **Secara Mandatory (*Ilzami*):**  
Ia bermakna sesuatu yang ditentukan hukuman-hukuman oleh sumber utama syariat - al-Qur'an dan al-Sunnah - dari kesalahan-kesalahan yang serious yang dilakukan oleh individu atau masyara'at. Contohnya jenayah

*riddah*, zina, tuduhan berzina tanpa bukti (*qazaf*), minum arak, merompak (*hirabah*), mencuri dan menderhaka (*al-baghy*). Di samping itu terdapat hubungan yang amat rapat antara hukuman-hukuman *hadd* dan matlamat yang diperakui oleh prinsip-prinsip syariat dalam mengekalkan kestabilan kehidupan manusia dan keselamatan jiwa, jasad dan harta benda. Dari sini, penggubal syariat Islam mengambil pakai kriteria substantif dalam membina sistem hukuman Islam, dimana kaedah-kaedah hukuman dibina di atas jenis hak yang diberi perhatian untuk dijaganya, sama ada hak itu hak am (public right) atau hak khas (personal right).<sup>4</sup>

## 2. Secara Pilihan (*Ikhtiyari*):

Ia bererti *al-Imam* (Ketua Negara) diberi kuasa untuk membuat undang-undang dan mengenakan hukuman yang dinamakan dalam fiqh sebagai ‘Sistem *al-Ta’zir*’. Termasuk di bawahnya semua kesalahan yang tidak ditentukan hukumannya oleh syara’, atau dalam kes-kes yang ditentukan hukumannya, namun ianya tidak memenuhi tuntutan syarat-syarat pensabitannya. Contohnya, tidak sempurna bilangan kesaksian seperti dalam kes zina atau *qazaf* atau terdapat keraguan dalam kes mencuri yang dengannya ditolak hukuman *hadd*.

Para *ulama*’ telah bersepakat bahawa *ta’zir* adalah sesuatu yang disyariatkan pada setiap maksiat yang tidak termasuk dalam kesalahan dan hukuman *hadd* berdasarkan besar kecilnya jenayah dan berdasarkan kepada penjenayah dari segi kejahatan dan tiadanya.<sup>5</sup> Justeru, hukuman dalam kes *ta’zir* adalah berdasarkan kepada berat ringannya kesalahan mengikut pertimbangan hakim bicara.

## Bentuk-bentuk Hukuman Dalam Syariat Islam

Dalam syariat Islam hukuman dibahagikan kepada *ukhrawi* dan *duniawi*. Pada dasarnya balasan dalam syariat ialah balasan akhirat. Bentuk-bentuk hukuman keakhiratan ialah siksa kubur, siksa di padang *mahsyar* dan siksa neraka. Namun keperluan dan tuntutan kehidupan, kestabilan masyarakat, penyusunan hubungan antara individu-individu dan dalam menjamin hak-hak mereka, maka di samping balasan akhirat hendaklah juga ada balasan di dunia. Hukuman ini dijatuhkan oleh negara ke atas pihak yang melakukan kesalahan atau meninggalkan kewajipan.

## Kawal Kepentingan

Tidak dapat dinafikan dari segi prinsipnya pelaksanaan Undang-undang Jenayah Konvensional selari dengan Syariat Islam dari sudut matlamatnya untuk menegakkan masyarakat yang sejahtera berdasarkan kepada asas-asas yang ditentukan oleh pembuat undang-undang (lawgiver). Ini bermakna, matlamat dan tujuan adalah sama. Namun Undang-undang Jenayah Islam baginya kelebihan yang unggul jika dibandingkan dengan Undang-undang Konvensional memandangkan Undang-

---

<sup>4</sup>Dr. Abu al-Ma’ati Hafiz Abu al-Futuh, *al-Nizam al-‘Iqabi al-Islami, Diarsah Muqaranah*, 1976, al-Qaherah: Mu’asasah Dar al-Ta’awun li al-Tabi’ wa al-Nashr., hlm. 236.

<sup>5</sup>Muhammad Shaltut, *al-Islam ‘Aqidah wa al-Shari’ah*, al-Qaherah; Dar al-Shuruq, cet. Ke VI, 1972, hlm. 312.

undang Konvensional tidak dapat menjamin kawalan yang semestinya dibuat terhadap kepentingan-kepentingan masyarakat. Jika diteliti secara mendalam akan didapati sebahagian dari Undang-undang Konvensional mengharuskan sesuatu yang diharamkan atas nama 'tuntutan tabie manusia', atau dikenakan hukuman yang hanya sekadar 'formaliti' (*shakliyyah*) yang sama sekali tidak secukup dengan kejam dan rakusnya perbuatan yang diharamkan. Contohnya, jenayah berzina dan rasuah. Bahkan, yang lebih menyedihkan didapati sebahagian dari negara-negara yang manamakan diri mereka 'Negara Islam' mengharuskan bermu'amalah dengan arak dan berjudi secara berlesen.

### **Falsafah Hukuman Dan Matlamatnya Dalam Islam**

Jelaslah dari keterangan di atas bahawa tujuan atau matlamat Islam dari penyariatannya hukuman samada ianya hukuman mandatori atau pilihan adalah membawa ciri-ciri berikut:

1. Punitive (*Jaza'i*) / (*Iqabi*): Untuk menghukum/membalas.

Disebabkan tabi'at semula jadi manusia adalah tertegak di atas runtunan keinginan dan nafsu syahwat, maka falsafah hukuman adalah bermula dengan dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan agar seseorang penjenayah merasai bagaimana peritnya kesengsaraan yang dipikul oleh orang yang terkena jenayah dan pihak-pihak yang ada hubungan dengannya. Ini ketara pada hukuman *qisas* yang dikenakan ke atas pembunuh secara sengaja (*al-qatl al-'amd*).

Namun begitu, sesuatu yang unik yang terdapat dalam sistem hukuman jenayah *shari'ah* ialah terdapatnya konsep pengampunan (*'al-'awf*) dan pembayaran *'diyyah*'. Ini bermakna, pihak keluarga mangsa diberi pilihan sama ada memberi pengampunan secara kolektif tanpa menuntut pihak penjenayah dan keluarganya (*al-'aqilah*) membayar *diyyah* atau pengampunan diberikan sepenuhnya tanpa membayar *diyyah*. Perlu ditekankan di sini, menurut syariat, hak memberi pengampunan diberi sepenuhnya kepada keluarga mangsa dan tidak kepada Ketua Negara (sepertimana yang diamalkan di Malaysia dan beberapa negara di dunia) memandangkan merekalah sebenarnya pihak yang mempunyai kepentingan (*maslahah*), kerana merekalah yang akan menanggung bebanan dan keperitan hidup disebabkan hilangnya mangsa.

2. Preventive (*Waqa'i*): Untuk mencegah orang lain dari melakukan kesalahan yang sama.

Hukuman juga memberi pengajaran (*tarbiyyah* dan *ta'dib*) yang begitu bermakna kepada orang lain dengan mencegah mereka dari melakukan kesalahan yang sama. Hukuman sebatan ke atas pezina bukan *muhsan* misalnya, mengikut hukum syara' hendaklah dipertontonkan kepada sebahagian orang-orang mukmin, sepertimana yang diperuntukkan dalam ayat 2 Surah al-Nur yang bermaksud:

*"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari kedua-duanya seratus kali sebatan; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas*

*kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan ke atas mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.”*

Tujuan dari dipertontonkan pelaksanaan hukuman zina secara terbuka ini adalah agar mana-mana pihak yang cuba melanggar tegahan Allah SWT ini tidak berani melakukan. Ini merupakan salah satu cara pencegahan yang amat berkesan.

3. Deterrent (*Rad'i*): Menghalang diri penjenayah mengulangi kesalahan. Hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah adalah menjadi penghalang kepadanya dari mengulangi kesalahan yang sama di masa hadapan. Kegerunan kepada hukuman yang keras dan berat dalam kes-kes yang hukumannya bersifat mandatory menjadi penyedar yang efektif kepada penjenayah. Justeru, penjenayah tidak akan cuba mengulangi kesalahan yang sama. Bahkan, berkemungkinan penjenayah akan memohon peng-ampunan dari Allah SWT dan akhirnya bertaubat.
4. Rehabilitative (*Islahi*): Pemulihan semula pesalah. Hukuman dalam kesalahan-kesalahan jenayah merupakan suatu bentuk pendidikan terhadap jiwa dan karektor penjenayah. Tidak dapat dinafikan pemulihan semula penjenayah menjadi seorang manusia yang berguna kepada keluarga dan masyara'at melalui hukuman yang dikenakan memakan masa yang lama. Namun begitu, ia bukanlah sesuatu yang mustahil. Justeru, dicadangkan bagi kesalahan-kesalahan jenayah yang tidak berat hukuman penjara hendaklah diketepikan, tetapi penjenayah hendaklah melalui suatu proses pemulihan di luar penjara.

### **Prinsip-prinsip Dalam Melaksanakan Hukuman Jenayah Syariah**

#### **Dalam Kes-kes *hudud*:**

- a. Prinsip *Al-Ta'jil wa al-Ta'til* (Dilambat dan ditangguhkan hukuman)

Pada dasarnya hukuman adalah suatu tindakan yang menyakitkan yang dikenakan ke atas penjenayah secara segera tanpa dilambat-lambatkan sebagai tindakan preventif baginya dari kesalahan yang dilakukan. Namun begitu, memandangkan rahmat Allah SWT itu begitu luas, maka sehingga kadangkala ia boleh dilambat-lambat dan ditangguhkan hukuman dalam beberapa keadaan berikut:

- i. *Fuqaha'* bersepakat bahawa wanita yang hamil ditangguhkan pelaksanaan hukuman *hadd* ke atasnya sehingga dia melahirkan anak, tidak kira hukuman *hadd* itu merupakan hukuman rejam atau memotong tangan, atau sebatan kerana berzina atau menuduh zina (*qazaf*), minum arak atau mencuri. Ibn al-Munzir menyatakan:

“Telah diijma’kan oleh ahli ilmu bahawa wanita yang hamil tidak direjam sehingga dia melahirkan kandungannya.”<sup>6</sup>

Pendapat ini didasarkan kepada hadith ‘Imran ibn Hussayn mengenai Ghamidiyyah yang merupakan seorang wanita dari *qabilah* Juhainah yang mendatangi Rasulullah SAW dalam keadaan mengandung hasil dari perzinaan dan membuat pengakuan dengan katanya:

*“Wahai Nabi Allah aku boleh dikenakan hukuman hadd, maka laksana-kanlah ke atasku!. Maka Nabi SAW memanggil walinya dan bersabda, “Jagalah dia baik-baik, maka apabila dia sudah melahirkan (anaknya) bawalah dia datang kepadaku. Maka dilakukan (apa yang diperintah-kan), kemudian diikatkan pakaiannya dan diarahkan (hukuman dijalankan), maka direjamnya. Setelah itu disembahyangkannya. (Melihat ini) ‘Umar berkata, “Apakah perlu dia disembahyangkan wahai Rasulullah sedangkan dia telah berzina.?” Sabda Rasulullah SAW, “Sesungguhnya dia telah bertaubat dengan satu taubat yang jika diagih-agihkan di antara 70 orang penduduk Madinah, nescaya akan dapat diliputinya. Apakah terdapat taubat yang lebih baik (afdal) dari sesuatu taubat yang didatang-kan dari dirinya secara bersungguh-sungguh kepada Allah.”<sup>7</sup>*

ii. Begitu juga ditanggihkan hukuman untuk kepentingan bayi iaitu jangkamasa yang mencukupi untuk bayi menyusu dari ibunya. Ini juga didasarkan dari kes Ghamidiyyah di atas dimana dalam satu riwayat dikisahkan bahawa Rasulullah SAW mengarahkan supaya dia direjam setelah anaknya itu putus susu dan dia membawa datang anaknya sedangkan pada tangannya terdapat secebis roti.

iii. Penanggihan hukuman juga boleh dilakukan untuk menolak perosakan yang mungkin berlaku ke atas diri penjenayah. Misalnya, dalam kes zina, jika wanita itu berhaid atau bernifas. Buktinya, apa yang diriwayatkan dari ‘Ali r.a. yang berkata:

*“Bahawasanya seorang hamba wanita Rasulullah SAW telah berzina dan Baginda menyuruhku menyebatnya sedangkan dia baru sahaja bernifas (kerana melahirkan kandungannya), aku bimbang jika aku menyebatnya mungkin aku membunuhnya. Maka aku beritahu perkara itu kepada Rasulullah SAW, maka sabda Rasulullah SAW, “Amat baik apa yang kamu lakukan, biarkanlah dia sehingga dia berkeadaan biasa (tiada bernifas lagi).”<sup>8</sup>*

<sup>6</sup>Ibn Qudamah, *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*, al-Qaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.th., juzu’ X, hlm. 139, Malik ibn Anas, *al-Mudawwanah al-Kubra*, Beirut: Dar Sadir, 1323H., juzu’ X11V, hlm. 250, Muhammad Idris al-Shafie, *al-Umm*, al-Qaherah: Dar al-Sha’b, 1388H., juzu’ VI, hlm. 122, Ibn al-Humam, *Fath al-Qadir*, al-Qaherah; Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1389H., juzu’ V, hlm. 245-246.

<sup>7</sup> Riwayat Muslim, Kitab: al-Hudud, Bab: Man ‘Itarafa ‘ala Nafsihi bi al-Zina, hadith: 4433.

<sup>8</sup> Riwayat Muslim, Kitab: al-Hudud, Bab: Ta’khir al-Hadd ‘an al-Nufasa’, hadith: 4450.

iv. Begitu juga jika penjenayah sakit yang ada harapan akan sembuh, melainkan dalam hukuman rejam kerana keadaan sakit atau tidak sakitnya penjenayah tidak memberi sebarang kesan kerana melalui hukuman rejam sudah semestinya penjenayah akan mati juga.

b. Prinsip *Al-Rahmah* (Rahmat)

Hukuman ke atas jenayah merompak (*al-hirabah*) amatlah berat. Allah SWT menggari-kan hukumannya dengan firmanNya dalam ayat 33, *surah al-Ma'idah*:

*“Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya serta melaukan bencana kerosakan di muka bumi, ialah dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan berselang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum).”*

Didalam *nass* di atas, terdapat kalimah 'aw' yang membawa makna pilihan, bermakna bagi ketua negara hak untuk membuat pilihan ke atas apa yang zahir dari *nass* secara mutlak. Ini pendapat ramai dari para *ulama'* antaranya 'Ata', Said ibn al-Musayyib, Mujahid, al-Hasan, 'Umar ibn 'Abdul 'Aziz, Ibrahim al-Nakaha'i dan lain-lain. Namun, jika *muharib* itu membunuh, maka tidak dapat tidak dia hendaklah dibunuh dan amat elok bagi *al-muharib* yang tidak membunuh dan tidak mengambil sesuatu harta dihukum dengan hukuman yang lebih ringan.<sup>9</sup>

Di antara petanda terdapatnya 'rahmah' bahawa orang yang merompak jika dia bertaubat sebelum dia ditangkap, maka taubatnya diterima, maka tidak dikenakan ke atasnya *hadd al-hirabah*. Namun, jika dia bertaubat selepas dia ditangkap, maka taubatnya tidak diterima.<sup>10</sup>

Ini berdasarkan pada ayat 34 yang menyebut (bermaksud):

*“Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya (mereka terlepas dari hukuman itu). Maka ketahuilah bahawa Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

c. Prinsip Ditolak hukuman *hudud* dengan adanya keraguan-keraguan (*Dar' al-Hudud bi al-Shubuhah*)

---

<sup>9</sup>Ibn Rushd, *Bidayat al-Mujtahid*, juzu' 11, hlm. 380-381 dan al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, juzu' VI, hlm. 152.

<sup>10</sup>Al-Khatib al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 1V, hlm. 183-184, Ibn 'Abidin, *Hashiyat Ibn 'Abidin*, juzu' 1V, hlm. 116, Ibn Qudamah, *al-Mughni 'ala al-Sharh al-Kabir*, juzu' X, hlm. 315, Ibn Idris, *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*, juzu' VI, hlm. 153, Ibn Hazm, *al-Mahalli*, juzu' XI, hlm. 126.



Sunnah Rasulullah SAW mengarahkan agar dalam mengenakan hukuman terdapat faktor ‘kewaspadaan’ (*al-ihtiyat*). Sehubungan dengan ini, Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

*“Tolaklah (hukuman) hudud dari orang-orang Islam seboleh yang mungkin. Jika terdapat baginya ruang keluar, maka berilah laluan. Maka seseorang Imam (pemerintah/hakim) tersalah memberi pengampunan adalah lebih baik dari tersalah mengenakan hukuman.”*<sup>11</sup>

Ini bermakna, hukuman *hadd* tidak boleh dilaksanakan jika terdapat keraguan (*shubhah*). Samada keraguan itu pada rukun jenayah, pada pengetahuan penjenayah tentang jenayah, pada akad, pada pensabitan dan pada paksaan. Ini bermakna tidak cukup sekadar terdapat tohmahan hatta kepercayaan yang sempurna dengan kesalahan yang dilakukan yang boleh dihukum *hadd*, selama mana ianya tidak dapat disabitkan dengan bukti-bukti yang diterima syara’. Ini diperkukuhkan dengan hadith Rasulullah SAW mengenai seorang wanita yang menjadi buah mulut orang ramai tentang buruk akhlaknya dengan sabdanya yang bermaksud:

*“Jika aku ingin merejam seseorang tanpa keterangan (bukti), maka nescaya aku akan merejam seseorang wanita (begitu saja). Sesungguhnya telah zahir padanya keraguan pada kata-katanya, keadaan dirinya dan sesiapa masuk (bertemu) dengannya.”*<sup>12</sup>

Ini menunjukkan syariat Islam tidak memerangkap seseorang dengan hanya tohmahan dan tidak melihat hanya kepada sebab yang paling mudah untuk menjadikan hukuman sebagai ‘pedang’ yang mencantas tengkuk orang yang disyakki.

Ianya terbukti lagi dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Jika seseorang mengintai ke atas rumah kamu, sedangkan kamu tidak mengizinkan baginya (berbuat demikian), lalu kamu memukulnya dengan sebatang kayu dan dengan itu kamu telah membutakan matanya, maka kamu tidak bersalah.”*<sup>13</sup>

### **Dalam Kes-kes *Qisas* dan *Diyah*:**

#### **a. Prinsip Persamaan (*al-Musawah*):**

Manusia di hadapan ‘Undang-undang Langit’ adalah samarata tiada perbezaan antara kaya dan miskin, antara saudara bukan saudara, antara pemerintah dengan yang diperintah, di antara bangsawan dan gelandangan.

---

<sup>11</sup> Riwayat al-Tirmidhi, Kitab: al-Hudud, Bab: Ma Ja’a fi Dar al-Hudud, hadith: 1424.

<sup>12</sup> Riwayat Ibn Majah, Kitab: al-Hudud, Bab: Man Azhara al-Fahishah, hadith: 2559.

<sup>13</sup> Riwayat al-Bukhari, Kitab: al-Diyat, Bab: Man Akhaza Haqqahu aw Iqtassa Duna al-Sultan, hadith: 6888, Muslim, Kitab: al-‘Adab, Bab: Tahrim al-Nazar fi Bayt Khairih, hadith: 5642.

Di antara rupa bentuk persamaan dalam jenayah syariah ialah *shafa'ah* dalam hukuman *hadd*. Sabda Rasulullah SAW kepada 'Usamah ibn Zaid yang ingin memohon syafa'at terhadap wanita al-Makhzumiyyah yang mencuri yang bermaksud:

*“Apakah kamu ingin memberi syafa'at terhadap sesuatu hukuman hadd dari hudud Allah? Kemudian Baginda bangun dan berkhutbah, “Bahawasanya telah musnah mereka-mereka yang sebelum dari kamu, (Ini disebabkan) Bahawasanya mereka jika mencuri di kalangan mereka oleh seorang yang mulia (kedudukannya), mereka akan melepaskannya. Jika seseorang yang dhaif mencuri dikenakan hukuman hadd ke atasnya. Demi Allah, jika Fatimah binti Muhammad yang mencuri nescaya aku akan potong tangannya.”*<sup>14</sup>

Ini bermakna, syafa'at tidak boleh diberikan kepada tertuduh, jika kes telah dibawa ke muka pengadilan tanpa melihat siapakah diri penjenayah.

b. Prinsip 'tanggungjawab bersama' dalam menanggung kesan jenayah:

Ia bermaksud, ahli keluarga yang diistilahkan sebagai '*al-'aqilah*' adalah menanggung bersama kesan jenayah. Misalnya, jenayah membunuh secara 'tidak sengaja', maka diyatnya ditanggung bersama oleh anggota keluarga. Prinsip ini dengan jelas menunjukkan perlu adanya 'kawalan' yang rapi antara anggota sesebuah keluarga dalam menjaga dan memerhati tindak tanduk anggotanya yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada dirinya atau orang lain.

### **Dalam Kes-kes *Kaffarat*:**

*Al-Kaffarah* ialah nama bagi perkara-perkara yang khusus yang diwajibkan oleh syariat ketika seseorang melakukan kesalahan-kesalahan tertentu. Perkara-perkara yang diwajibkan Allah SWT ini sama ada ianya dalam bentuk harta seperti memberi makan kepada orang-orang miskin, memerdekakan hamba seperti dalam kes membunuh secara tersalah (*al-qatl al-khata'*) atau yang bukan berbentuk harta seperti puasa dua bulan berturut-turut kerana berjimak pada siang Ramadhan, atau sengaja berbuka tanpa hak, melakukan sesuatu kesalahan semasa dalam ihram, melanggar sumpah dan menziharkan isteri.

Walaupun perlu adanya kenasabahan antara kesalahan dengan hukuman dalam kes-kes *kaffarat*, namun Allah SWT memberi kelonggaran dalam melaksanakan *kaffarat* dimana hikmahnya hanya Yang Maha Esa sahaja mengetahuinya.

Contohnya, mengenai *kaffarah* melanggar sumpah. Firman Allah SWT ayat 89, surah al-Ma'idah yang bermaksud:

---

<sup>14</sup>Riwayat al-Bukhari, Kitab: al-Hudud, Bab: Karahiyyat al-Syafa'ah fi al-Hadd Iza Rafa'a ila al-Sultan, 6788, Muslim, Kitab: al-Hudud, Bab: Qat' al-Sariq al-Sharif wa Ghairihi, wa al-Nahy 'an al-Shafa'ah fi al-Hudud, hadith: 4410., al-Tirmidhi, Kitab: al-Hudud, Bab: Ma Ja'a fi Karahiyyat an Yashfa' fi al-Hudud, hadith: 1430.

*“Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran denda-nya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang biasa kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda tersebut), maka hendaklah dia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah (peliharalah) sumpah kamu. Demikian Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum agamaNya) supaya kamu bersyukur.”*

Contoh lain, melakukan persetubuhan pada siang Ramadhan. Dalam sebuah hadith diterangkan:

Seorang lelaki telah datang bertemu Rasulullah SAW dan berkata: *“Musnahlah daku wahai Rasulullah. Sabda Rasulullah, “Apakah yang telah memusnahkan kamu?” Kata lelaki tersebut, “Aku telah menyetubuhi isteriku pada (siang) Ramadhan.”* Bersabda Rasulullah, *“Apakah kamu dapati sesuatu untuk dimerdekakan seorang hamba?”* Jawabnya, *“Tiada”*. Sabda Rasulullah, *“Apakah kamu berupaya untuk berpuasa dua bulan berturut-turut?”* Jawabnya, *“Tidak”*. Sabda Rasulullah, *“Apakah didapati apa yang boleh diberi makan kepada 60 orang miskin?”*. Jawabnya, *“Tiada”*. Kemudian lelaki itu pun duduk dan Rasulullah SAW membawa datang sebuah bekas yang di dalamnya berisi kurma. Sabda Rasulullah, *“Sedekahkanlah dengan (kurma) ini.”* Berkata lelaki itu, *“Diberi kepada orang yang lebih fakir dari daku, wahai Rasulullah? sedangkan kami lebih berhajat kepadanya.”* Di sini Rasulullah tergelak sehingga nampak giginya. Kemudian sabda Rasulullah, *“Pulanglah dan berilah makan buah kurma kepada ahli keluarga kamu.”*<sup>15</sup>

## **PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

### **Klasifikasi Kesalahan**

Secara umumnya, pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia merangkumi kesalahan-kesalahan matrimoni dan kesalahan-kesalahan bukan matrimoni.

Kesalahan matrimoni ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

---

<sup>15</sup> Riwayat Muslim, Kitab: al-Siyam, Bab: Taghliz Tahrim al-Jima' fi Nahar Ramadhan 'ala al-Sa'im wa Wujub al-Kafarah fih, hadith: 2595.

- (a) kesalahan yang berhubung dengan akad nikah dan
- (b) kesalahan pelbagai yang berkaitan dengan hal ehwal suami isteri.<sup>16</sup>

Kesalahan yang berhubung dengan akad nikah adalah seperti:

- (i) tidak hadir di hadapan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan,
- (ii) gangguan terhadap perkahwinan,
- (iii) pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan,
- (iv) akad nikah yang tidak dibenarkan dan
- (v) kesalahan-kesalahan lain yang berhubungan dengan akad nikah perkahwinan.<sup>17</sup>

Kesalahan pelbagai yang berkaitan dengan hal ehwal suami isteri adalah seperti:

- (i) poligami tanpa kebenaran mahkamah,<sup>18</sup>
- (ii) perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah
- (iii) meninggalkan isteri,
- (iv) menganiaya isteri,
- (v) tidak memberi keadilan sewajarnya kepada isteri (atau isteri-isterinya),
- (vi) isteri tidak menurut perintah,
- (vii) murtad untuk membatalkan perkahwinan,
- (viii) persetubuhan luar nikah antara orang yang telah bercerai dan lain-lain yang berkaitan hal ehwal suami isteri.<sup>19</sup>

Kebanyakan kesalahan matrimoni ini telah diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri.

Kesalahan-kesalahan bukan matrimoni pula merangkumi:

- (i) Kesalahan berkaitan akidah,<sup>20</sup>
- (ii) Kesusilaan dan
- (iii) Kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya.

Kesalahan berkaitan akidah adalah seperti:

- (i) pemujaan salah,
- (ii) doktrin palsu,
- (iii) mengembangkan doktrin agama dan
- (iv) dakwaan palsu.

Kesalahan berkaitan kesusilaan adalah seperti:

- (i) perbuatan tidak sopan,
- (ii) perkataan tidak sopan,

---

<sup>16</sup>Ibrahim Deris & Zulfikri Yaso, Analisis Kesalahan-Kesalahan Akidah dan Matrimoni, dalam *Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*, disunting oleh Zaini Nasohah, UKM, 2010, 14

<sup>17</sup>Bahagian IV - Penalti Dan Pelbagai Peruntukan Berhubungan Dengan Akad Nikah Dan Pendaftaran Perkahwinan, Seksyen 35 Hingga Seksyen 44, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008

<sup>18</sup>Mohammed Taher Md. Khalil lwn. Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan, *Jurnal Hukum*, Jilid 23 (II), 229-236.

<sup>19</sup> Bahagian IX - Penalti, Seksyen 124 hingga Seksyen 134, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008

<sup>20</sup> Pendakwa lwn. Abu Talib bin Harun dn lain-lain, *Jurnal Hukum*, Jilid 10 (II), 150-178.

- (iii) khalwat,
- (iv) zina,
- (v) musahaqah,
- (vi) liwat,
- (vii) minuman yang memabukkan,<sup>21</sup>
- (viii) melacurkan diri dan lain-lain yang berkaitan kesusilaan.<sup>22</sup>

Kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya adalah seperti:

- (i) galakan maksiat,
- (ii) memakan dan menjual dalam bulan Ramadhan,
- (iii) mengeji pegawai-pegawai Majlis,
- (iv) mengeji atau menghina Undang-Undang dan lain-lain yang berkaitan.<sup>23</sup>

Kebanyakan kesalahan bukan matrimoni ini telah diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.<sup>24</sup>

BIL	JENIS TUNTUTAN	SEKSYEN	JUMLAH KES	JUMLAH KES SELESAI	KES DALAM PROSIDING
1	Perbuatan Tidak Sopan	5 EKJS 1988	0	0	0
2	Pondan	7 EKJS 1988	0	0	0
3	Khalwat	9 EKJS 1988	27	0	27
4	Berkelakuan Sumbang	10 EKJS 1988	0	0	0
5	Zina	11 EKJS 1988	0	0	0
6	Hamil Luar Nikah	16 EKJS 1988	0	0	0
7	Melacur Diri	19 EKJS 1988	0	0	0
8	Minuman Yang Memabukkan	25 EKJS 1998	0	0	0
9	Memakan & Menjual Bulan Ramadhan	27 EKJS 1998	0	0	0
10	Mengeji Pegawai Majlis	27 EKJS 1998	0	0	0
11	Engkar Perintah Mahkamah	31 EKI 1988	0	0	0
12	Kesalahan Berhubung Dengan Pernikahan	40 EUUKI 2008	106	29	77
13	Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah	124 EUUKI 2008	17	7	10
14	Perceraian Diluar Mahkamah Tanpa Kebenaran	125 EUUKI 2008	0	0	0
15	Percubaan Bersubahat	134 EUUKI 2008	0	0	0
16	Lewat Daftar	35 EUUKI 2008	0	0	0
17	Tidak Hadir Di Hadapan Pendaftar Dalam Masa Yang Ditetapkan	35 EUUKI 2008	43	12	31
18	Pelanggaran Terhadap Sek.	32 EUUKI 2008	0	0	0

<sup>21</sup> Abd. Razak Othman lwn. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka, *Jurnal Hukum*, Jilid 23 (II), 203-219.

<sup>22</sup> Bahagian II - Kesalahan-Kesalahan, Seksyen 5 Hingga Seksyen 35, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 (Kedah Darul Aman)

<sup>23</sup> Abdul Rahman bin Salleh dan Seorang Lagi lwn. Pendakwa Hal Ehwal Agama Terengganu, *Jurnal Hukum*, Jilid 10 (I), 121-127 berkenaan kesalahan melakukan Solat Jumaat ditempat yang tidak diluluskan.

<sup>24</sup> Rujukan bagi kesalahan bukan matrimoni adalah tidak terhad kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah sahaja, tetapi boleh dirujuk kepada Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri dan lain-lain yang berkaitan.

19	Gangguan Terhadap Perkahwinan	37 EUUKI 2008	0	0	0
20	Akuan Atau Penyataan Palsu Untuk Mendapatkan Perkahwinan	38 EUUKI 2008	0	0	0
21	Akad Nikah Perkahwinan Yang Tidak Dibenarkan	39 EUUKI 2008	0	0	0
22	Tidak Membuat Laporan	126 EUUKI 2008	0	0	0
23	Engkar Perintah Hidup Bersama Semula Dengan Isteri	127 EUUKI 2008	0	0	0
24	Menginayai Isteri Atau Suami	128 EUUKI 2008	0	0	0
25	Tidak Memberi Keadilan Yang Sewajarnya Kepada Isteri	129 EUUKI 2008	0	0	0
26	Isteri Tidak Menurut Perintah	130 EUUKI 2008	0	0	0
27	Percubaan Murtad Untuk Membatalkan Perkahwinan	131 EUUKI 2008	0	0	0
28	Bersekedudukan Semula Tanpa Rujuk yang Sah	132 EUUKI 2008	0	0	0
29	Kecuaian Dengan Sengaja Untuk Mematuhi Perintah Mahkamah	133 EUUKI 2008	0	0	0
<b>JUMLAH</b>			<b>193</b>	<b>48</b>	<b>145</b>

**Jadual 1:** Statistik Kes Jenayah, Mahkamah Rendah Syariah Kota Setar, Negeri Kedah bagi Bulan Mac 2017  
 Jadual 1 di atas menunjukkan statistik kesalahan-kesalahan jenayah Syariah yang didaftarkan di Mahkamah Syariah di Negeri Kedah Darul Aman. Kesalahan tersebut merangkumi kesalahan matrimoni dan kesalahan bukan matrimoni.

### **Hukuman Jenayah Syariah di Mahkamah Syariah**

Pelaksanaan hukuman jenayah Syariah di Malaysia yang terikat dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1984 Pindaan [Akta 355] telah memperuntukkan maksimum hukuman bagi kesalahan-kesalahan jenayah Syariah adalah enam kali sebatan, tiga tahun penjara dan RM5,000 denda; atau apa-apa gabungan hukuman tersebut.<sup>12</sup> Hukuman-hukuman ini dapat diklasifikasikan sebagai hukuman takzir di dalam undang-undang jenayah Syariah kerana peruntukan bidangkuasa bagi mengenakan hukuman *hudud* dan *qisas* tidak terkandung dalam Akta 355.

Peruntukan bagi kesalahan dan hukuman *hudud* seperti *murtad*, *zina*, *qazaf*, *hirabah* dan *sariqah* jelas dinyatakan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015) Negeri Kelantan dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Negeri Terengganu 2002. Walau bagaimanapun, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015) Negeri Kelantan dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Negeri Terengganu 2002 ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana sekatan yang terkandung pada Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1984 Pindaan [Akta 355].

<sup>12</sup>Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, Transformasi Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Di Malaysia: Penilaian Semula Terhadap Hukuman Takzir dalam *Jurnal Kanun*, (26) 1, Januari 2017, 34 -71.

Peruntukan bagi kesalahan dan hukuman *hudud*<sup>13</sup> dan *qisas*<sup>14</sup> tidak dinyatakan dalam kebanyakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Hanya kesalahan *qazaf*, *zina* dan meminum minuman memabukkan sahaja dimasukkan dengan takat hukuman yang dikenakan adalah hukuman takzir.<sup>15</sup> Kesalahan membunuh, mendatangkan kecederaan dan yang berkaitan dengan kedua-duanya telah diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] begitu juga dengan kesalahan mencuri, rompakan bersenjata dan lain-lain kesalahan yang berkaitan. Kesalahan yang didakwa di bawah Akta 574 ini akan dibawa ke Mahkamah Sivil dan dihukum mengikut peruntukan yang telah ditetapkan yang tidak terikat kepada Akta 355. Sehingga hari ini, Malaysia masih belum melaksanakan undang-undang jenayah Syariah secara sepenuhnya.<sup>16</sup>

Terdapat perbezaan dari aspek pelaksanaan bagi kesalahan kesalahan *murtad*, *qazaf*, *zina* dan meminum minuman memabukkan jika dibandingkan antara Negeri-negeri di Malaysia. Peruntukan undang-undang, kaedah penguatkuasaan, kaedah siasatan, pendakwaan dan keputusan hakim bagi setiap negeri adalah tidak selaras merujuk kepada peruntukan Enakmen Tatacara Jenayah dan Enakmen yang berkuatkuasa bagi hal ehwal jenayah syariah setiap negeri.

#### i) Kesalahan *Murtad* / *Irtidad* / *Riddah*

Kesalahan *Murtad* atau *irtidad* atau *riddah* jelas diperuntukkan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015) Negeri Kelantan dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Negeri Terengganu 2002. Menurut Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Negeri Terengganu 2002, *irtidad* atau *riddah* bermaksud apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seorang Islam yang *mukallaf* yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut Hukum *Syara'* adalah merosakkan atau berlawanan dengan *aqidah* agama Islam. Merujuk firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 217 ".....*Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (Islam), lalu dia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya)*". Petikan ayat al-Quran ini menunjukkan bahawa kesalahan murtad adalah suatu kesalahan yang berat dan hukuman *hudud* diperuntukkan bagi kesalahan ini.

Bagi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri selain Kelantan dan Terengganu, jenayah murtad tidak diperuntukkan secara spesifik dengan penggunaan istilah 'murtad' tetapi terdapat pelbagai jenis kesalahan yang

---

<sup>13</sup>Merangkumi kesalahan *murtad* (keluar agama), *zina* (bersekedudukan tanpa ikatan nikah), *qazaf* (tuduhan *zina*), *syurb al-khamr* (meminum minuman yang memabukkan), *hirabah* (rompakan/kesalahan bersenjata) dan *sariqah* (curi).

<sup>14</sup>Merangkumi kesalahan bunuh (*al-qatl*) dan mendatangkan kecederaan (*al-jarh*) sama ada dengan niat atau tanpa niat.

<sup>15</sup> Peruntukan bagi kesalahan *murtad* dan *qazaf* adalah berbeza-beza mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

<sup>16</sup> Muhammad Hafiz Mohd Shukri & Dilah Tuah, "Pendekatan Mahkamah untuk Menjatuhkan Hukuman Terhadap Kesalahan Zina, Serta Implikasinya Kepada Wanita dan Kanak-Kanak: Kajian Kes di Sudan", *Jurnal Kanun Jilid 28* [2], Julai 2016, 248.

berkaitan dengan perlakuan keluar agama telah diperuntukkan seperti Jadual di bawah.

BIL	NEGERI	KESALAHAN	SEKSYEN
1	Negeri Sembilan	Keluar Daripada Agama Islam	Seksyen 119. Keluar Daripada Agama Islam. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003  Hukuman: ...dikehendaki menjalani sesi runding cara dan bimbingan
2	Melaka	Percubaan Murtad	Seksyen 66. Percubaan murtad, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991  Hukuman: ... Mahkamah hendaklah ... memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syara'.
3	Pahang	Percubaan keluar daripada agama Islam	Seksyen 9. Percubaan keluar daripada agama Islam. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013  Hukuman: ... didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
4	Perak	Mendakwa bukan Islam  Perbuatan atau perkataan murtad	Seksyen 12. Mendakwa bukan Islam. Enakmen Jenayah (Syariah) 1992  Hukuman: ... denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.  Seksyen 13. Perbuatan atau perkataan murtad.  Hukuman: ... denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
5	Sabah	Percubaan Murtad	Seksyen 63. Percubaan murtad. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995  Hukuman: ... memerintahkan supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut Hukum Syara'.
6	Terengganu	Irtidad atau Riddah	Seksyen 26. Hukuman Bagi Kesalahan Irtidad atau Riddah. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M  Hukuman: 1. sebelum dijatuhkan hukuman dikehendaki supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati



			bersalah, 2. jika enggan bertaubat Mahkamah hendaklah mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas dan dipegang oleh <i>Baitulmal</i> .
7	Kelantan	Irtidad atau riddah	Seksyen 23. Irtidad atau riddah. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015)  Hukuman: 1. sebelum dijatuhkan hukuman, dikehendaki supaya dipenjarakan sehingga dia bertaubat dalam tempoh yang tidak ditetapkan, 2. jika enggan bertaubat, Mahkamah hendaklah mengisytiharkan hukuman hudud ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas untuk dipegang bagi keperluan Baitulmal. 3.

**Jadual 2:** Kesalahan Keluar Agama bagi Negeri-negeri Terpilih.

Beberapa kes permohonan keluar agama telah direkodkan di Mahkamah Syariah. Kes *Wong Chun Chiak @ Kenny Abdullah lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah mengenyepikan permohonan keluar agama pemohon yang menggunakan alasan ingin berkahwin dengan orang bukan Islam dan kembali kepada agama asal iaitu Kristian roman katolik<sup>17</sup>. Perintah Pengisytiharan tidak diperolehi dalam permohonan keluar agama Islam seperti kes *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors*<sup>18</sup>. Dalam kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Siti Fatimah Tan binti Abdullah*<sup>19</sup>, Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang telah menyokong keputusan Mahkamah Tinggi Syariah untuk mengisytiharkan seorang mualaf, Siti Fatimah Tan sebagai bukan Islam. Yang Amat Arif Hakim menyatakan bahawa pemelukan Islam responden tidak sah dari awal lagi kerana alasan responden memeluk agama Islam hanya untuk berkahwin dengan seorang lelaki Iran yang beragama Islam.<sup>20</sup>

Merujuk kepada statistik yang dibentangkan oleh Datuk Seri Jamil Khir Baharom pada tahun 2011, Mahkamah Syariah telah menerima sebanyak 835 permohonan keluar agama dari tahun 2000 – 2010.<sup>21</sup>

Negeri	Permohonan	Kelulusan
Sabah	238	67
Negeri Sembilan	172	33

<sup>17</sup> Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, “Kedudukan Murtaf Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia” dalam *Diskusi Syariah dan Undang-Undang, USIM, 2007*,

<sup>18</sup> [2005] 6 MLJ 193

<sup>19</sup> [2009] 1 CLJ (Sya) 165

<sup>20</sup> Nor Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail, “Amalan Mahkamah Syariah Mengisytiharkan Status Agama dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan”, dalam *Jurnal Kanun*, Jilid 26 (1) (Januari 2017): 7

<sup>21</sup> Jamil Khir: Permohonan Murtaf 135 Orang Diluluskan, dalam <https://www.malaysiakini.com/news/166920> diakses pada 2hb Julai 2017.

Selangor	99	-
Wilayah Persekutuan	56	10
Perak	47	12
Pulau Pinang	36	1
Melaka	12	3
Pahang	8	7
Johor	8	-
Kedah	5	1
Perlis	3	1
Sarawak	1	-
Terengganu	1	-
Kelantan	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>686</b>	<b>135</b>

**Jadual 3:** Statistik Kes Permohonan Keluar Agama

Berdasarkan peruntukan kesalahan bagi keluar agama atau percubaan murtad atau lain-lain istilah yang membawa maksud murtad, kes yang telah berlaku dan statistik permohonan murtad yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Menteri yang bertanggungjawab, beberapa kajian berkenaan jenayah murtad perlu giat dijalankan bagi menjaga kemaslahatan dan kepentingan Agama Islam di Malaysia. Usaha penambahbaikan jenayah Syariah secara khusus bagi kesalahan murtad akan memberi implikasi positif terutama dalam mempertahankan kesucian Islam di Malaysia.

#### ii) Kesalahan *Zina*

Pelbagai kajian akademik telah dijalankan berkaitan kesalahan perlakuan seksual yang dinamakan dengan pelbagai istilah dalam Enakmen Kesalahan jenayah Syariah Negeri-Negeri. Sama ada penggunaan istilah khalwat, bersekedudukan, sumbang mahram, perhubungan *muabbad* dan *ghairu muabbad*, melacurkan diri, melacurkan isteri dan anak, persetubuhan haram, hamil tanpa nikah atau lain-lain kesemuanya membawa erti *zina* atau *muqaddimah zina*. Penyelidikan yang bertajuk *Hukuman Bagi Kesalahan Seksual Di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan Kepada Hukuman Yang Lebih Berat* yang dilakukan oleh Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap memberi penekanan kepada institusi kehakiman syariah khususnya Mahkamah Syariah Negeri Sembilan untuk melaksanakan hukuman sewajarnya<sup>22</sup> bagi tujuan menghukum (*punitive*) dan menghalang diri pesalah dari mengulangi kesalahan (*deterrent*) atas kesalahan jenayah seksual yang dilakukan oleh pesalah. Pengkaji mengkritik keputusan mahkamah yang hanya membataskan hukuman setakat denda dan bukan penjara dan sebatan bagi kebanyakan kes kesalahan jenayah seksual tersebut.

Peruntukan kesalahan jenayah *zina*<sup>23</sup> wujud dalam Enakmen Jenayah Syariah semua negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, takat kesalahan yang telah diperuntukkan tidak mencapai tahap hukuman *hudud*, tetapi maksimum hukuman

<sup>22</sup> Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap, "Hukuman Bagi Kesalahan Seksual Di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan Kepada Hukuman Yang Lebih Berat", *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, Jilid 16 (2012) 29 - 42

<sup>23</sup> Dengan penggunaan istilah yang pelbagai

menurut Akta 355 iaitu tiga tahun penjara, denda lima ribu ringgit, enam kali sebatan atau gabungan kesalahan. Contohnya dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie lwn. D Haryati Abdul Rahim*, tertuduh telah mengaku bersalah atas kesalahan khalwat dan telah dikenakan hukuman berkelakuan baik oleh Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan.<sup>24</sup> Dalam kes *Abdul Wahab lwn Timbalan Pendakwa Mahkamah Syariah Selangor*<sup>25</sup>, tertuduh juga telah mengaku bersalah atas tuduhan khalwat dan telah dihukum penjara sebanyak 30 hari. Setelah merayu bagi pengurangan hukuman, beliau telah dihukum denda sebanyak RM300.00 sahaja atas kesalahan tersebut. Kes *Mohd Ibrahim lwn Ketua Pendakwa Syarie Pulau Pinang*<sup>26</sup> juga memperlihatkan pengaku salah tertuduh pada kesalahan khalwat dan dihukum penjara 3 bulan atau denda RM2,000.00. Sedikit berbeza pada tahun 2011 bagi pesalah muda dalam kes *Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lwn Siti Nurazniza Kamaruddin*<sup>27</sup> yang berusia 15 tahun. Beliau dihukum denda RM2,700.00, di perintah berkelakuan baik di bawah pengawasan penjamin selama 6 bulan serta hadir sesi kaunseling bersama pegawai Sulh setiap 3 bulan atas kesalahan persetubuhan haram yang telah dilakukan.

Negeri	Bilangan Remaja Hamil Tanpa Nikah
Sarawak	5,246
Johor	2,427
Selangor	1,603
Negeri-negeri lain	6994
<b>Jumlah</b>	<b>16,270</b>

**Jadual 4:** Statistik Remaja Hamil Mengikut Rekod Jabatan Kesihatan Negeri Tahun 2012 hingga 2015

Statistik di atas menunjukkan bilangan remaja hamil dalam tahun 2012 sehingga 2015. Rekod juga menunjukkan sebanyak 532,158 kelahiran anak tidak sah taraf atau anak luar nikah didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2005 hingga 2015. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 526 kes pembuangan bayi dilaporkan. Dengan kelahiran anak tidak sah taraf yang mencecah setengah juta, kita dapat mengandaikan bahawa terdapat lebih kurang 1.2 rakyat Malaysia yang terlibat dengan jenayah seksual dalam tempoh 2005 hingga 2015 yang terdiri daripada pelbagai bangsa, umur dan sama ada lelaki mahupun perempuan. Tanggapan kebejatan akhlak dan moral berkaitan salah laku seksual ini dapat dibuat dan menunjukkan bahawa penguatkuasaan jenayah syariah bagi kesalahan seksual ini perlu ditingkatkan dan membawa kepada pemerksaan Mahkamah Syariah dari aspek peruntukan undang-undang dan hukuman bagi kesalahan pelaku. Jika pelaku jenayah masih diberi hukuman sekadar denda apabila disabit kesalahan jenayah seksual, tanpa sebatan dan penjara mandatori sekurang-kurangnya 3 hari, tidak mustahil statistik jenayah ini akan meningkat dari masa ke semasa. Secara tidak langsung, falsafah hukuman untuk *punitive* (menghukum), *preventive* (mencegah), *deterrent* (menghalang diri dari mengulangi jenayah) dan *rehabilitative* (pemulihan) tidak dapat dicapai sepenuhnya dalam undang-undang jenayah Syariah.

<sup>24</sup> Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*, 173.

<sup>25</sup> [1981] Jurnal Hukum, 281.

<sup>26</sup> [1999] 13 Jurnal Hukum, 185

<sup>27</sup> [1432H] 32:1:132

## Realiti Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia

Masyara'at Malaysia secara umumnya mempunyai keinginan yang kuat untuk melihat perundangan Syariah dilaksanakan sepenuhnya. Dalam kes jenayah Syariah, terdapat pesalah yang mahu diteruskan dengan hukuman seperti yang diperuntukkan Syara' sebagai tanda keinsafan dan membersihkan diri dari dosa yang telah dilakukan<sup>28</sup>.

Kes Kartika Sari Dewi Shukarno<sup>29</sup>, pada tahun 2008, beliau telah didakwa meminum arak di Cherating, Pahang. Kesalahan itu mengikut Seksyen 136 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang membawa hukuman denda maksimum RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan disebat tidak melebihi enam sebatan. Hakim Syarie Datuk Abdul Rahman Yunus di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan telah menjatuhkan hukuman denda RM5,000.00 dan enam sebatan selepas pengakuan salah meminum arak direkod dan bertegas untuk menerima hukuman sebat itu serta dipercepatkan hukuman. Keadaan ini jelas menunjukkan kefahaman beliau sebagai seorang Muslim dan keimanan beliau untuk menerima hukuman pada kesalahan yang telah dilakukan.

Kes-kes yang didengar di Mahkamah Syariah kebanyakannya telah disabitkan melalui *iqrar* iaitu pengakuan pesalah terhadap kesalahan yang telah dilakukan terutama bagi kesalahan khalwat/bersekedudukan yang disertakan pembuktian dengan kelahiran bayi (anak hasil perhubungan yang tidak sah<sup>30</sup>) dan meminum arak. Walaupun takat hukuman yang ditetapkan adalah takat hukuman takzir, ianya tetap merupakan sebgai daripada undang-undang jenayah Islam. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Arif Hakim Syarie dalam kes kesalahan berjudi di Mahkamah Tinggi Melaka:

*“Dalam membuat pertimbangan rayuan tersebut Mahkamah akan meneliti dan merujuk kepada kata-kata perayu iaitu keinsafan perayu tidak akan mengulangi perbuatan tersebut, harus diambil kira memandangkan pertuduhan dan kesalahan yang dilakukan adalah berbentuk pertuduhan dan hukuman kesalahan takzir sahaja. Pengertian takzir mengikut Dr. Abdul Aziz Amir di dalam kitabnya ‘al-Ta’zir fi al-Shari’at al-Islamiyyah’ halaman 38, cetakan Dar al-Fikr al-Arabi tahun 2007 ialah: “Fuqaha mentakrifkan (takzir) sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadar wajibnya, samada berkaitan hak Allah atau hak manusia, dan juga perbuatan maksiat yang tiada ditetapkan hukuman had dan hukuman kaffarah padanya. Tujuan hukuman takzir adalah sama seperti pelaksanaan hukuman had (hudud) iaitu bertujuan untuk memberi pengajaran (takdib), pengislahan (pemulihan) dan menghalang daripada terus melakukan perkara itu.”<sup>31</sup>*

<sup>28</sup> Timbalan Pendakwa Syarie Pahang lwn. Kartika Sari Dewi Shukarno

<sup>29</sup> Siti Zubaidah Ismail, “Hukuman Sebat Syariah: Ke Mana Selepas Kartika Sari Dewi?”, *CLJ Sya (2010) XXV*,

<sup>30</sup> Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff, *Shariah Law Report* (2014) 2 : 100-101.

<sup>31</sup> [https://www.mahsyariahmelaka.gov.my/judgement/files/MTS/Berjudi\\_Kes\\_1\\_MTS.pdf](https://www.mahsyariahmelaka.gov.my/judgement/files/MTS/Berjudi_Kes_1_MTS.pdf) diakses pada 1hb Julai 2017

Begitu juga bagi kesalahan matrimoni, institusi Mahkamah Syariah sewajarnya dipandang sebagai institusi yang mempunyai otoriti yang eksklusif ke atas Muslim di Malaysia. Merujuk kes Jimmy Shanley (penghinaan mahkamah bagi kesalahan matrimoni), Mahkamah menyebut dengan jelas bahawa:

*“Oleh yang demikian, kami berpendapat Perintah pengkomitan ke Penjara sebagaimana yang diperintahkan Hakim Bicara wajar dikekalkan supaya ianya dapat memberi kesedaran dan keinsafan kepada Perayu bahawa apa-apa perintah Mahkamah hendaklah dipatuhi... Semoga pengkomitan ke atas Perayu akan menjadi pengajaran berguna kepadanya dan memberi isyarat yang jelas kepada ketegasan Mahkamah terhadap masyara’at awam agar menghormati perintah Mahkamah.”<sup>32</sup>*

<b>Bulan \ Tahun</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>
Januari	222	85	202
Februari	68	102	230
Mac	116	105	292
April	100	110	144
Mei	68	93	137
<b>Jumlah</b>	<b>574</b>	<b>493</b>	<b>1,005</b>

**Jadual 5:** Statistik Pendaftaran Kes Jenayah Syariah di Negeri Kedah bagi Tempoh Januari - Mei dari Tahun 2015 - 2017<sup>33</sup>

Statistik menunjukkan trend kes jenayah Syariah adalah meningkat dari semasa ke semasa, dalam keadaan ini, seharusnya Malaysia mencontohi Brunei dan Aceh yang telah menjalankan hukuman menurut *Syara’* dalam kesalahan-kesalahan jenayah Syariah. Brunei telah memulakan hukuman jenayah Syariah sepenuhnya apabila Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Qanun Jinayat Aceh telah dikuatkuasa mulai tahun 2014 setelah mendapat autonomi khas daripada Indonesia. Hukuman sebat (dinamakan dengan cambuk) telah dilaksanakan di khalayak ramai bagi kesalahan-kesalahan jenayah syariah termasuk pemerkosaan dan hubungan tidak bermoral seperti gay.<sup>34</sup>

## Penutup

Berdasarkan konsep dan prinsip-prinsip yang dibentangkan, kita percaya dan yakin bahawa Undang-undang Jenayah Islam bukanlah suatu undang-undang yang kejam dan rigid sepertimana yang didakwakan oleh golongan yang jahil dan buta mata hatinya terhadap syariat Allah SWT. Oleh yang demikian, memperkasakan Mahkamah Syariah melalui pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syariah secara menyeluruh yang merangkumi hukum-hukum *hudud*, *qisas*, *diyyah* dan *kaffarah* adalah merupakan suatu tuntutan wajib ke atas umat

<sup>32</sup> Nursuhaila Eliani Binti Suhaimy lwn Jimmy Shanley Bin Norjahan Saleh (2016) [Mahkamah Rayuan Syariah Selangor, Shah Alam. Kes Rayuan No. 10000-036-0005-2015(YAA Tan Sri Dr. Ibrahim Bin Lembut (Pengerusi), YA Dato’ Seri Dr. Md. Yusup Bin Che Teh (Panel), YA Datuk Aidi Bin Moktar (Panel)]

<sup>33</sup> Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah <http://kedah.jksm.gov.my/> diakses pada 1hb Julai 2017

<sup>34</sup> <https://www.hmetro.com.my/global/2017/05/230143/pasangan-gay-dihukum-sebat-85-kali> diakses pada 1hb Julai 2017

Islam kerana penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam melalui Mahkamah Syariah adalah wajib. Ini didasarkan kepada kaedah “*Ma La Yatimmu al-Wajib ‘Illa Bihi Fa Huwa Wajibun.*”

Kita bimbang jika kita tidak melaksanakan hukum Allah SWT ini, kita semua akan termasuk dalam golongan orang menderhka kepada Allah SWT yang sudah pasti akan menerima azab yang pedih di hari akhirat nanti, bahkan mungkin di dunia lagi.

Sekian, *Wallahu’alam.*